



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20 24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.054 GERIK

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.054 GERIK

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Dr Thanaraj Murudi



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.054 GERIK (PERAK)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman **I**

Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin **III**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu **1-10**

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

- | | | |
|-----|-----------------|--------------|
| 1.0 | Pengenalan | 11 |
| 2.0 | Pemetaan Isu | 12-20 |
| 3.0 | Pengutamaan Isu | 21-26 |



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN- BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	Negeri Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN- BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	
Perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik kilang 	
Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung 	Organisasi / Persatuan
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 3.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara

Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.054 GERIK (PERAK)

5 - 7 Januari 2024 (Jumaat - Ahad)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

- 1: Sesi Dialog bersama Kluster Pelancongan
- 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Air Musang
- 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Bongor
- 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Pulau Belayar

HARI 2

- 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Gerik
- 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga Kecil
- 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Siam & Orang Asli

HARI 3

- 8: Sesi Dialog bersama FELDA Nenering
- 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Klian Intan
- 10: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Kuak
- 11: Sesi Dialog bersama Komuniti Taman MK

PASUKAN PENYELIDIK



Dr Thanaraj Murudi
(Ketua Penyelidik)



Paniirselvam Jayaraman



**Raine Melissa
Riman**



Lydia Ann



Farah Ezzaty

**Dengan sokongan
daripada
Ahli Parlimen Gerik,
YB Tuan Fathul Huzir
Bin Ayob**




15 November 2024

Mesyuarat Awal bersama YB Tuan Fathul Huzir (Ahli Parlimen Gerik) di Parlimen.

12 Januari 2024

Sesi mesyuarat profil untuk Parlimen Gerik bersama Arif Azmi. Kami telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan dengan Orang Siam dan Orang Asli pada 5-7 Januari 2024.



15 Januari 2024

Sesi Perjumpaan bersama Pihak Majlis Daerah Pengkalan Hulu dan Majlis Daerah Gerik bagi pengenalan APPGM-SDG dan pemetaan di parlimen Gerik.

Majlis ini dipengerusikan oleh YDP Pengkalan Hulu Meor Shahibul Fadilah bin Zainuddin, Setiausaha Pn. Asalina. Turut bersama wakil dari Majlis Daerah Gerik. Seramai 14 wakil pejabat telah hadir.



29 Januari 2024

Sesi perjumpaan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (KADO Bahagian Pembangunan) Pejabat Daerah dan Tanah, Gerik untuk membentangkan pengenalan APPGM-SDG dan perihal pemetaan isu di parlimen Gerik 5-7 Jan 2024. Turut hadir, tiga Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Tanah), dan Pegawai Jurutera.



1: Sesi Dialog bersama Kluster Pelancongan

FGD 1 - Sesi FGD 1 melibatkan Kluster Pelancongan iaitu Persatuan Malim Gunung Gerik di Masjid Kerunai. Seramai 19 peserta hadir dan mempertengahkan isu kemudahan asas & promosi untuk gunung mereka.

Gerik menawarkan pelbagai lokasi yang menarik untuk pelancongan namun terdapat kekangan promosi untuk menarik minat pelancong atau pendaki untuk datang. Malim gunung menggunakan inisiatif sendiri untuk promosi kepada pelancong di tiktok/facebook.

OCPD Gerik, Tuan Sharani turut serta dalam membuat tinjauan.



2: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Air Musang

FGD 2 - Sesi FGD 2 melibatkan Komuniti Kg. Air Musang yang terdiri daripada kalangan ibu tunggal, peniaga kecil, petani dan penternak. Seramai 11 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti penternak ikan memerlukan bantuan tambahan, belia tidak mempunyai pekerjaan tetap serta bimbingan, dan infrastruktur kampung perlu dibaiki. Keunikan kampung ini adalah hubungan silaturahim antara penduduk kampung sangat baik.



3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Bongor

FGD 3 - Sesi FGD 3 melibatkan Komuniti Kg. Bongor yang terdiri daripada golongan ibu tunggal, peniaga kecil, belia dan petani. Seramai 15 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti setingan perlu bayar TOL sekaligus untuk 5 tahun sekaligus, penoreh getah hilang pendapatan kerana faktor cuaca yang tidak menentu dan harga getah tidak stabil dan kenaikan harga barang. Keunikan kampung ini adalah masih mengekalkan tradisi lama dan ukhuwah yang baik sesama mereka.



4: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Pulau Belayar

FGD 4 - Sesi FGD 4 melibatkan Komuniti Kg. Pulau Belayar iaitu dalam kalangan kluster nelayan di Kedai Char Kue Tiau Zam. Seramai 6 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti pencemaran air serta kurangnya peluang pekerjaan untuk belia. Mereka juga bukan sahaja nelayan malah merupakan malim gunung berlesen. Antara aktiviti menarik yang dijalankan peserta adalah Agrotourism dan aktiviti sukan moto lasak.



5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Gerik

FGD 5 - Sesi FGD 5 melibatkan Komuniti Kg. Gerik di Kedai PakYa Hujung Dunia. Seramai 7 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti pencemaran sungai dan tiada hospital pakar. Walaupun ramai belia yang berhijrah ke luar untuk mencari pekerjaan, namun ada belia yang menjana pendapatan sehingga RM8,000 sebulan dengan penanaman cendawan



Pihak APPGM-SDG juga berpeluang melawat projek penanaman cendawan oleh salah seorang peserta dari FGD 5, beliau, En. Marwan. Pihak APPGM-SDG juga berpendapat beliau berpotensi untuk bekerjasama rapat dalam projek kita kerana kepakaran beliau dalam penjagaan cendawan sangat hebat. Banyak ilmu baru yang dapat dari beliau & keunikan untuk projek beliau adalah saiz & kualiti cendawan sangat bagus kerana benih cendawan dari Thailand.



6: Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga Kecil

FGD 6 - Sesi FGD 6 melibatkan Komuniti Peniaga Kecil di Dewan Batu 2 Gerik. Seramai 16 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti bantuan kepada ibu tunggal, kenaikan harga beras dan kekurangan stok beras dan gula. Terdapat 380 orang penjaja berdaftar dengan persatuan.



7: Sesi Dialog bersama Komuniti Siam & Orang Asli

FGD 7 - Sesi FGD 7 melibatkan Komuniti Siam dan Orang Asli di Kampung Pong. Seramai 33 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti kemudahan air, kenaikan harga keperluan asas & tidak mempunyai akses kepada informasi bantuan kerajaan. Terdapat 50 orang keluarga di Kg Pong & kebanyakan penduduk disitu bekerja sebagai penoreh getah.



8: Sesi Dialog bersama FELDA Nenering

FGD 8 - Sesi FGD 8 melibatkan Komuniti FELDA Nenering iaitu golongan belia, ibu tunggal, pertanian & peniaga. Seramai 22 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti kenaikan harga barang, kekangan untuk mendapatkan keperluan asas, kemudahan untuk peniaga tidak disediakan & tidak mempunyai akses kepada informasi bantuan kerajaan.

Turut hadir pengurus besar Felda Nenereng dan Ketua Kampung. Terdapat 150 buah rumah & mata pencarian utama adalah dari kelapa sawit. Setiap peneroka mempunyai tanah seluas 10 ekar.



9: Sesi Dialog bersama Komuniti Klian Intan

FGD 9 - Sesi FGD 9 melibatkan Komuniti Klian Intan iaitu golongan belia, ibu tunggal, masyarakat cina & masyarakat india. Seramai 10 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti kurangnya peluang pekerjaan, tidak mendapat bantuan kebajikan, pencemaran dan kurangnya peluang pendidikan.

Kawasan ini unik kerana terdapat penempatan masyarakat Cina, India, Melayu & sebagainya.



10: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Kuak

FGD 10 - Sesi FGD 10 melibatkan Komuniti Kg Kuak iaitu golongan belia, ibu tunggal, peniaga kecil & pertanian. Seramai 8 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti kurangnya peluang pekerjaan, tidak mendapat bantuan kebajikan, banjir dan isu pemutihan miskin tegar.



11: Sesi Dialog bersama Komuniti Taman MK


FGD 11 - Sesi FGD 11 melibatkan Komuniti Taman MK iaitu golongan belia, ibu tunggal, peniaga kecil & perlancongan. Seramai 10 orang peserta hadir dan mempertengahkan isu seperti kenaikan harga, tidak mendapat bantuan kebajikan, kurang program untuk wanita dan pencemaran.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.054 GERIK (PERAK)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Gerik ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob dari parti Perikatan Nasional.</i></p>		 <p>YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob</p>																									
Parlimen	P 054																										
Kawasan	Gerik																										
Negeri	Perak																										
Jumlah penduduk	<p>56,810 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>49,311</td> <td>86.8</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>4,658</td> <td>8.2</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>1,363</td> <td>2.4</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain-lain</td> <td>1,478</td> <td>2.6</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>56,810</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	49,311	86.8	2.	Cina	4,658	8.2	3.	India	1,363	2.4	4.	Lain-lain	1,478	2.6	JUMLAH KESELURUHAN		56,810	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	49,311	86.8																								
2.	Cina	4,658	8.2																								
3.	India	1,363	2.4																								
4.	Lain-lain	1,478	2.6																								
JUMLAH KESELURUHAN		56,810	100.00																								
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> ● Sektor Pelancongan ● Sektor Pertanian dan Sawit: Peneroka Felda / Penoreh Getah / Petani ● Perikanan: Nelayan ● Sektor Perkhidmatan 																										
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr Thanaraj Murudi: Ketua Penyelidik 2. En Paniirselvam Jayaraman: Pembantu Penyelidik 3. Cik Raine Melissa Riman: Pembantu Penyelidik 4. Cik Nur Farah Ezzaty Abd Aziz: Pembantu Penyelidik 5. Cik Lydia Ann Anak Bill: Pembantu Penyelidik 																										

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 FGD telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Gerik.

TARIKH	PERKARA
5 Januari 2024, Jumaat	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Kluster Pelancongan• Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Air Musang• Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Bongor• Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Pulau Belayar
6 Januari 2024, Sabtu	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama Komuniti Kg. Gerik• Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga Kecil• Sesi Dialog bersama Komuniti Siam & Orang Asli
7 Januari 2024, Ahad	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog bersama FELDA Nenering• Sesi Dialog bersama Komuniti Klian Intan• Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Kuak• Sesi Dialog bersama Komuniti Taman MK

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
ISU SOSIAL		
Kekurangan kemudahan untuk belia	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Gunung Alai/ Gunung Kerunai • Belia Kg Air Musang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang kemudahan untuk membantu belia menjana pendapatan di Gerik. • Tiada tapak berniaga di sini kerana kurang pembangunan, namun ada potensi untuk dimajukan, memberi kesan kepada semua peringkat umur, terutama belia. • Tiada fasiliti riadah ataupun sukan untuk golongan belia. • Tiada tempat bersukan di dalam kawasan kampung. • Belia terpaksa ke tempat lain untuk berekreasi atau bersukan kerana kekurangan fasiliti di kampung.
Kekurangan kemudahan untuk warga emas	<ul style="list-style-type: none"> • Warga emas • Penduduk di kawasan parlimen Gerik 	<ul style="list-style-type: none"> • Warga tua kurang akses kepada pengangkutan awam dan infrastruktur. • Warga tua di Gerik sukar mendapatkan rawatan pakar kerana tiada hospital pakar, perlu ke bandar tanpa bas sejak PKP, sementara tambang teksi mahal, dan kadang-kadang terpaksa menumpang.
Tiada doktor pakar	<ul style="list-style-type: none"> • Warga emas • Penduduk tempatan Gerik 	<ul style="list-style-type: none"> • Di Gerik hanya ada hospital biasa. • Sekiranya memerlukan konsultasi, perkhidmatan pakar, atau rawatan kesihatan serius, penduduk perlu ke Ipoh, Taiping, atau Kedah.
Pengangkutan awam berkurangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk tempatan Gerik • Pengguna pengangkutan awam 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengangkutan awam dihentikan semasa PKP. • Perkhidmatan transport awam ke bandar besar terjejas selepas PKP, kini hanya ada satu bas sehari.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Infrastruktur untuk kawasan pergunungan tidak mencukupi	<ul style="list-style-type: none"> ● Malim Gunung ● Pendaki gunung ● Gunung Kerunai / Gunung Alai 	<ul style="list-style-type: none"> ● Tali pendakian tidak mencukupi, dan beberapa kawasan boleh dinaiktaraf untuk pendaki pemula. ● Perlu lebih tali untuk keselamatan pendaki.
Kurang pengetahuan mengenai ubat tradisional	<ul style="list-style-type: none"> ● Malim Gunung ● Pendaki gunung 	<ul style="list-style-type: none"> ● Ada tradisi perubatan tradisional yang hilang kerana tidak diteruskan, padahal pengetahuan ini berguna bagi malim di hutan. ● Pengetahuan ini berguna jika berlaku kecederaan pada peserta pendaki gunung atau semasa <i>guiding</i> di hutan.
Tiada penglibatan langsung daripada pihak atau jabatan pelancongan dalam memajukan industri pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> ● Malim Gunung 	<ul style="list-style-type: none"> ● Gerik memiliki potensi dalam pelancongan, terutamanya sukan pendakian gunung, kerana terdapat banyak gunung menarik yang kini menjadi tarikan utama. ● Malim belum pernah mendengar ada pihak yang ingin membangunkan pelancongan di Gerik, dan tiada pembabitan aktif daripada MOTAC di sini, kecuali mereka hanya bertemu MOTAC di Seri Iskandar untuk latihan.
Masalah bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk Kg Air Musang 	<ul style="list-style-type: none"> ● Bekalan air kerajaan terganggu akibat masalah tekanan air. ● Penduduk bergantung pada sumber air bukit, namun sistem paip rosak dan perlu dinaiktaraf. ● Mereka terpaksa membayar bil air tinggi walaupun tiada bekalan. Penduduk berharap jika sistem '<i>gravity feed</i>' dinaiktaraf, mereka tidak perlu bergantung pada air kerajaan.
Jalan terlalu sempit untuk menampung	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk setempat ● Kg Air Musang 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penambahan populasi tidak seimbang dengan saiz jalan sedia ada.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
aktiviti dan keperluan sekarang		<ul style="list-style-type: none"> • Kenaikan populasi dan keperluan pergerakan keluar masuk kampung tidak disokong oleh saiz jalan yang ada sekarang.
Kurang sokongan atau pengetahuan daripada kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat Gerik • Belia • Kg Air Musang 	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka tidak tahu jenis bantuan yang boleh dipohon kerana tiada akses kepada maklumat tepat. • Kurang maklumat diterima kerana pentadbiran kampung yang terlalu meluas, menyebabkan ramai tertinggal daripada mendapat informasi penting.
Literasi digital rendah di kalangan warga emas	<ul style="list-style-type: none"> • Warga emas 	<ul style="list-style-type: none"> • Warga emas tidak mahir menggunakan telefon pintar. • Kebanyakan bantuan atau subsidi disalurkan melalui platform digital atau pendaftaran dalam talian, tetapi ramai warga emas tidak mempunyai pengetahuan untuk menggunakan aplikasi dalam talian atau digital.
Isu geran tanah yang belum selesai sejak 2000	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Bongor 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk telah memohon, namun tiada respon daripada pihak berkuasa setakat ini mengenai tanah pusaka. • Ramai penduduk Pampang telah memohon geran tanah pusaka sejak 2000, tetapi hingga kini tiada maklum balas dari jabatan tanah. Mereka bimbang mengenai status tanah dan bila geran akan diterima, sementara tanah masih berstatus TOL.
Tiada akses atau peluang yang adil untuk bantuan atau subsidi	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat • Parlimen Gerik • Kg Bongor 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbezaan pendapat dan kepercayaan politik telah membahagikan penduduk kawasan ini, dengan hanya beberapa orang yang mendapat akses kepada pengetahuan atau maklumat penting daripada pihak berkuasa. • Diperburuk oleh perpecahan politik tempatan di kalangan penduduk kampung serta kepimpinan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Vandalisme jeti	<ul style="list-style-type: none"> ● Nelayan ● Jeti Tasik Kendering 	<ul style="list-style-type: none"> ● Banyak barang seperti lampu hilang akibat kecurian, dan seringkali perlu diganti.
Tiada pakar perubatan wanita di Gerik	<ul style="list-style-type: none"> ● Wanita ● Parlimen Gerik 	<ul style="list-style-type: none"> ● Hospital Gerik tiada pakar khusus untuk kesihatan wanita kerana statusnya yang tidak memiliki kemudahan pakar. ● Jika ada masalah kesihatan wanita, mereka perlu ke hospital di Ipoh atau Taiping. ● Pesakit yang menghidap kanser payudara terpaksa ke Penang untuk rawatan lanjut. Kos pengangkutan ke hospital tanpa kenderaan sendiri agak tinggi.
Pencemaran sampah	<ul style="list-style-type: none"> ● Tong sampah besar Jalan Utama, Kampung Gerik 	<ul style="list-style-type: none"> ● Sampah dari tempat tempat lain di Gerik di longgok dan juga di buang di tong sampah besar sehingga berlonggokan, baru, kotor menyebabkan haiwan haiwan liar seperti babi liar, kera membuat kacau. ● Masalah kekurangan tong sampah di pekan Gerik dan kampung-kampung sekitarnya.
Kegagalan permohonan geran tanah untuk tanah pusaka/teroka	<ul style="list-style-type: none"> ● Komuniti Siam Kg Pong 	<ul style="list-style-type: none"> ● Hanya beberapa lot tanah di sini mempunyai geran pusaka. ● Masih banyak tanah pusaka di sini yang belum mempunyai geran walaupun sudah memohon kepada jabatan tanah negeri. ● Tanah tersebut telah diduduki selama beberapa generasi, tetapi tiada kelulusan mengenai status tanah tersebut.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
ISU EKONOMI		
Kurang peluang kerja untuk belia	<ul style="list-style-type: none"> ● Belia ● Penduduk Gerik ● Mahasiswa/Mahasiswi ● Seluruh kawasan parlimen Gerik ● Kg Air Musang ● Kg Bongor 	<ul style="list-style-type: none"> ● Gerik tiada sektor perindustrian atau ekonomi besar, menyebabkan belia terpaksa merantau mencari kerja. ● Gerik tidak dibenarkan ada industri berat atau sederhana, menyebabkan belia dan penduduk tiada pendapatan tetap, kebanyakan hanya bergantung pada kerja kampung. ● Tiada industri lain yang dapat menampung pekerjaan yang ada di sini sekarang.
Harga getah yang sangat tidak stabil dan murah	<ul style="list-style-type: none"> ● Penoreh getah ● Kg Bongor ● Parlimen Gerik 	<ul style="list-style-type: none"> ● Harga getah mengikut pasaran dunia dan berubah setiap hari. ● Pendapatan penoreh getah di Kampung Bongor terjejas akibat harga pasaran getah yang tidak stabil serta pengeluaran lateks yang semakin berkurang setiap tahun.
Malim Gunung tiada pengetahuan tentang pelan untuk eko-pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> ● Malim Gunung 	<ul style="list-style-type: none"> ● Malim gunung tidak biasa dengan istilah '<i>ecotourism</i>' walaupun terlibat dalam aktiviti pelancongan. ● Hanya dengar istilah ini semasa bertemu MOTAC sekali, tapi tiada pengetahuan mendalam.
Kenaikan kos sara hidup	<ul style="list-style-type: none"> ● B40 ● Warga emas ● Penganggur ● Kg Air Musang 	<ul style="list-style-type: none"> ● Harga barang keperluan asas seperti beras naik, namun tidak semua orang mempunyai pendapatan tetap.
Gangguan harga pasaran ikan	<ul style="list-style-type: none"> ● Nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Warga bukan nelayan mengambil peluang menangkap ikan musim lalu dan menjualnya dengan harga rendah

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Kegiatan ini sekali lagi menjejaskan pendapatan nelayan akibat gangguan harga pasaran ikan, ditambah dengan pembelian ikan yang terhad disebabkan kenaikan harga barangan.
Tidak tahu tentang bantuan atau pembiayaan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Wanita • Ibu tunggal • Peniaga kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pengetahuan atau akses kepada maklumat tersebut. • Tak banyak tahu tentang pinjaman. Mereka peniaga kecil yang beroperasi dari rumah, pernah minta bantuan lebih sepuluh tahun lalu tapi tak dapat dan tak pernah minta lagi.
Kos penjenamaan produk yang mahal	<ul style="list-style-type: none"> • Wanita • Ibu tunggal • Peniaga kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos penjenamaan produk yang mahal mengehendkan kemampuan untuk pusing modal • Kos pencetakan untuk tujuan penjenamaan seperti pelekat boleh menjadi mahal.
Sukar untuk memperoleh sijil seperti sijil halal	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil • Peniaga kecil Wanita • Peniaga kecil ibu tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos untuk mendapatkan sijil tersebut agak tinggi. • Kebanyakan peniaga tidak mampu memperoleh sijil atau sebarang sijil pengiktirafan akibat kos yang tinggi dan kurang pengetahuan tentang cara mendapatkannya.
ISU ALAM SEKITAR		
Kehilangan hak memburu hidupan liar dan mengutip hasil hutan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemburu • Penduduk setempat • Hutan simpan di Gerik 	<ul style="list-style-type: none"> • Kehilangan hak memburu hidupan liar dan mengutip hasil hutan seperti kayu untuk penggunaan sendiri atau kampung • Penduduk kampung tiada lagi alternatif lain. • Sebelum gazette dua tahun lalu, penduduk masih boleh menggunakan hasil hutan dan memburu haiwan liar untuk keperluan sendiri.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> • Mereka tidak lagi dibenarkan bergantung kepada hasil hutan di hutan simpan, dan yang memiliki kebun juga tidak dibenarkan mengusahakan kebun di kawasan tersebut.
Pencemaran sungai mengganggu sumber ikan	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan • Hulu Sungai Perak 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran sungai akibat perlombongan biji timah di Hulu Sungai Perak menjadi serius semasa musim hujan. • Musim hujan adalah musim ikan banyak dan waktu utama nelayan memberikan air tawar, namun sering terjejas akibat pencemaran dari lombong bijih timah, seperti pelepasan sisa kimia ke sungai akibat limpahan hujan, yang merosakkan ekosistem dan kemampuan ikan. • Pendapatan nelayan terjejas teruk, dahulu boleh menjana RM200 sehari, kini hanya RM50. • Perbezaan ketara dalam pendapatan sebelum dan selepas pencemaran teruk, di mana ikan banyak mati atau berpindah. Walaupun usaha pemulihan ikan dilakukan, pencemaran tetap sukar dielakkan.
Ancaman pembalakan yang boleh merosakkan sumber air utama komuniti Kampung	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Siam Kg Pong • Orang Asli 	<ul style="list-style-type: none"> • Ada rancangan untuk menebang pokok berhampiran sumber air bukit yang menjadi punca air utama kampung ini. • Penduduk kampung menubuhkan persatuan untuk memboikot rancangan pembalakan atas nasihat pihak luar. • Walaupun mereka awalnya diyakinkan bahawa pembalakan tidak akan menjejaskan sumber air, mereka tetap melawan dan berjaya melengahkan rancangan tersebut buat masa ini.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Tiada bekalan air bersih	<ul style="list-style-type: none"> ● Komuniti Siam Kg Pong ● Orang Asli 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk bergantung kepada sistem bekalan air graviti. ● Kurang pasti mengenai bekalan air terawat dari kerajaan dan lebih memilih untuk mengekalkan sumber air sedia ada. ● Oleh kerana populasi yang rendah di pedalaman, kerajaan tidak berminat melabur dalam fasiliti seperti air paip disebabkan kos yang tinggi dan kurang menguntungkan.

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: POTENSI PEMBANGUNAN EKONOMI DI GERIK TERHAD

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada kilang menyebabkan kekurangan peluang pekerjaan di Gerik. 2. Penduduk sukar mencari pekerjaan tetap atau industri di kawasan tersebut. 3. Ketiadaan sektor perindustrian menghalang pertumbuhan ekonomi setempat. 4. Banyak penduduk terpaksa mencari kerja di luar Gerik untuk menyara hidup.
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkenalkan insentif untuk industri: Menyediakan insentif kepada pelabur untuk membuka kilang atau pusat pengeluaran di Gerik. 2. Pembangunan kemahiran: Menyediakan program latihan kemahiran untuk penduduk tempatan agar mereka lebih berkelayakan untuk bekerja di sektor lain. 3. Meningkatkan infrastruktur: Memperbaiki kemudahan asas seperti jalan raya, elektrik, dan air untuk menarik pelaburan industri. 4. Menggalakkan industri pertanian dan agro: Membangunkan kilang pemprosesan hasil pertanian tempatan, seperti makanan atau produk pertanian. 5. Promosi pelancongan: Meningkatkan sektor pelancongan yang dapat menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan produk kraf tempatan.
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Belia ● Penduduk Gerik ● Mahasiswa/Mahasiswi ● Seluruh kawasan parlimen Gerik
<p>Kawasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kg Air Musang ● Kg Bongor ● Parlimen Gerik

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.5: Menjelang 2030, membina daya tahan golongan miskin dan berisiko, serta mengurangkan pendedahan dan risiko mereka terhadap peristiwa berkaitan iklim melampau serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain.
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.a: Meningkatkan pelaburan, termasuk melalui peningkatan kerjasama antarabangsa di infrastruktur luar bandar, penyelidikan pertanian dan perkhidmatan lanjutan, pembangunan teknologi dan bank gen tumbuhan dan ternakan untuk meningkatkan keupayaan produktif pertanian di negara membangun, khususnya negara kurang membangun.
Matlamat 4: Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk pengajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	Sasaran 17.1: Memperkukuh penjana sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain.

PENGUTAMAAN ISU 2: INFRASTRUKTUR PELANCONGAN DI GERIK MASIH KURANG BERKEMBANG

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gerik mempunyai keindahan alam semula jadi yang menarik untuk pelancong. 2. Terdapat banyak lokasi menarik seperti hutan simpan dan tasik. 3. Kurangnya promosi dan sokongan kerajaan menghalang pembangunan sektor pelancongan. 4. Gerik berpotensi menjadi destinasi pelancongan utama dengan pelaburan yang sesuai.
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan kemudahan pengangkutan, termasuk jalan raya dan pengangkutan awam. 2. Mempromosikan tarikan alam semula jadi seperti hutan simpan, tasik, dan air terjun. 3. Menyediakan pelbagai aktiviti luar seperti mendaki, berkayak, dan memancing. 4. Meningkatkan infrastruktur pelancongan seperti hotel, resort, dan restoran. 5. Mengadakan acara kebudayaan dan festival tempatan untuk menarik pelancong. 6. Menyediakan pakej pelancongan yang menarik dengan kerjasama agensi pelancongan. 7. Mempromosikan Gerik sebagai destinasi ecotourism dan pelancongan berasaskan komuniti.
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Malim gunung
<p>Kawasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Seluruh kawasan parlimen Gerik
<p>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</p>	
<p>SDG YANG BERKAITAN</p>	<p>SASARAN SDG BERKAITAN</p>
<p>Matlamat 8: Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi</p>	<p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz</p>

	mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.2: Menggalakkan pengindustrian menyeluruh dan mampan, dan menjelang 2030, menaikkan dengan ketara sumbangan pekerjaan dan keluaran dalam negeri kasar dalam industri, selaras dengan keadaan negara, dan menggandakan sumbangannya di negara kurang membangun.
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	Sasaran 17.1: Memperkukuh penjana sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain.

PENGUTAMAAN ISU 3: KETIADAAN PERKHIDMATAN DOKTOR PAKAR

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan Doktor Pakar: Tiada doktor pakar di Gerik menyebabkan rawatan khusus tidak dapat diberikan. 2. Masalah Ibu & Anak: Ibu mengandung dan kanak-kanak menghadapi risiko tinggi tanpa pakar obstetrik dan pediatrik. 3. Kesukaran Warga Emas: Warga emas sukar mendapatkan rawatan untuk penyakit kronik seperti jantung atau diabetes. 4. Kecemasan Kemalangan: Pesakit kemalangan serius perlu dirujuk ke hospital jauh, melambatkan rawatan segera. 5. Kos & Masa: Perjalanan ke hospital lain meningkatkan kos dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan rawatan.
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penempatan Doktor Pakar: Menyediakan insentif khas untuk doktor pakar bertugas di kawasan pedalaman seperti Gerik. 2. Perkhidmatan Telekesihatan: Mengembangkan perkhidmatan telekesihatan untuk konsultasi pakar secara maya.

	<p>3. Kemudahan Ambulans Berteknologi Tinggi: Menyediakan ambulans lengkap dengan peralatan perubatan kritikal dan tenaga mahir.</p> <p>4. Pusat Satelit Pakar: Menubuhkan pusat perubatan satelit dengan sokongan pakar dari hospital berdekatan.</p> <p>5. Subsidi Pengangkutan Kesihatan: Memberi subsidi atau bantuan pengangkutan ke hospital besar bagi kes kecemasan.</p>
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk kawasan parlimen Gerik ● Warga emas ● Ibu mengandung ● Kanak-kanak ● Golongan berisiko tinggi ● Mangsa kemalangan
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> ● Seluruh kawasan parlimen Gerik
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 3 - Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	<p>Sasaran 3.c: Meningkatkan dengan ketara pembiayaan kesihatan dan pengambilan, pembangunan, latihan dan pengekalan tenaga kerja kesihatan di negara membangun, terutamanya di negara kurang membangun dan negara pulau kecil membangun (small island developing States)</p> <p>Sasaran 3.6: Menjelang 2020, mengurangkan separuh jumlah kematian dan kecederaan global akibat kemalangan jalan raya</p> <p>Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang penting dan berkualiti serta akses kepada ubat dan vaksin penting yang selamat, berkesan, berkualiti dan mampu dimiliki oleh semua</p>

	<p>Sasaran 3.9: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara jumlah kematian dan penyakit akibat bahan kimia berbahaya serta pencemaran dan kontaminasi udara, air dan tanah</p>
Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan	<p>Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko.</p> <p>Sasaran 11.b: Menjelang 2020, peningkatan dengan ketara jumlah bandar raya dan penempatan manusia yang mengguna pakai dan melaksanakan dasar dan pelan bersepadu ke arah penyertaan, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, ketahanan kepadabencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat sejajar dengan Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.</p>
Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat	<p>Sasaran 17.1: Memperkukuh penjana sumber dalam negeri, termasuk melalui sokongan antarabangsa kepada negara membangun, bagi meningkatkan keupayaan dalam negeri untuk kutipan cukai dan kutipan hasil lain.</p>



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>